



**MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH  
IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada Semua Warganegara Malaysia (Keutamaan Kepada Rakyat Negeri Pahang) yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan seperti berikut :-

**A. SKIM PERKHIDMATAN**

BIL	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI
1	PEMBANTU KEMAHIRAN	H19	KEMAHIRAN	PELAKSANA	TETAP	GAJI MINIMUM :RM 1,377.00 GAJI MAKSIMUM :RM 4,052.00

**NOTA :**

**JADUAL GAJI DI ATAS TIDAK TERMASUK IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM, IMBUHAN TETAP PERUMAHAN DAN ELAUN-ELAUN LAIN.**

**B. SYARAT LANTIKAN**

- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - a) Warganegara Malaysia; dan
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - c) Sijil Vokasional Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred H19 : RM1,377.00); atau
  - d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred H19 : RM1,435.12); atau
  - e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H19 : RM 1,435.12); atau
  - f) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H19 : RM 1,493.24);

- g) Sijil Pelajaran Malasia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H19 : RM 1,493.24);
  
- ii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **C. CARA MEMOHON DAN SYARAT-SYARAT**

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang MPT/1 yang boleh didapati secara percuma di:-
  - i) **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia & Organisasi  
Aras 6, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh,  
Jalan Ahmad Shah  
28000 Temerloh Pahang**
  - ii) **Muat Turun Borang dari Laman Web Rasmi Majlis Perbandaran  
Temerloh [www.mpt.gov.my](http://www.mpt.gov.my)**
2. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan bersama salinan dokumen yang telah disahkan :-
  - i. **Sijil Kelahiran**
  - ii. **Kad Pengenalan (depan / belakang)**
  - iii. **Sijil Berhenti Sekolah**
  - iv. **Sijil / Diploma / Ijazah yang berkaitan**
  - v. **Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas – tugas berkaitan dengan jawatan yang dipohon.**
3. Permohonan daripada Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Penguasa Tempatan hendaklah di kemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan melampirkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini mengikut Perintah Am Bab 'A' Perenggan 21.
4. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah di alamatkan kepada :-

**Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Temerloh  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia & Organisasi  
Aras 6, Kompleks Pejabat Plaza Temerloh  
Jalan Ahmad Shah  
28000 Temerloh Pahang**

**Tarikh tutup permohonan : 31 OKTOBER 2019**

#### D. CATATAN AM

1. Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan :
  - a) Tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan.
  - b) Tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan dan tidak disahkan.
  - c) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 (enam) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tersebut tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temu duga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.